

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL

lokal

Implan koklear pertama HPKK

Pembedahan dilakukan terhadap budak 8 tahun alami masalah pendengaran sejak 11 bulan

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Unit Otorinolaringologi semalam, buat pertama kalinya menjalani prosedur pembedahan implan koklear pertama di hospital berkenaan sejak ia mula beroperasi dua tahun lalu.

Pembedahan itu dilakukan terhadap seorang kanak-kanak berusia lapan tahun, Chua Zi Jie yang dikenal pasti mengalami masalah pendengaran sejak berusia 11 bulan.

Pakar Perunding Kanan dan Ketua Unit Otorinolaringologi Prof Dr Goh Bee See yang mengetuai pembedahan itu berkata, implan koklear atau dikenali sebagai telinga bionik adalah alat elektronik yang dimasukkan melalui pembedahan bagi memberikan deria bunyi kepada individu pekak atau pendengaran terjejas teruk.

Menurutnya, tujuan utama pembedahan implan koklea adalah untuk menanam elektrod ke dalam koklea di bahagian telinga dalam bagi memastikan bunyi boleh disampaikan kepada otak melalui rangsangan elektrik daripada elektrod ke saraf pendengaran.

"Implan koklea tidak akan mengembalikan pendengaran seperti manusia normal namun kebanyakan pesakit menggambarkannya sebagai bunyi yang mekanikal.

"Bagaimanapun, dengan stimulasi dan amalan yang berterusan, otak akan me-



Zi Jie bakal menjalani pembedahan implan koklear di HPKK UKM. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

lakukan penyesuaian terhadap bunyi-bunyi baru.

"Malah, kini pengguna alat prostetik itu mampu berkomunikasi secara normal tanpa perlu membaca pergerakan bibir atau menggunakan bahasa isyarat lagi.

"Menariknya, pengguna implan itu juga kebanyakannya sudah boleh bercakap

dan menggunakan telefon," katanya kepada pemberita sebelum menjalani prosedur pembedahan implan koklear di sini, semalam.

Dr Bee See berkata, UKM melakar sejarah apabila menjadi kumpulan perintis dalam mengendalikan kes implan koklea di rantau Asia Tenggara.

Menurutnya, Prof Emeri-

tus Datuk Dr Lokman Saim bersama Prof Datuk Dr Abdullah Sani Mohamed dari Jabatan Otorhinolaryngologi, Fakulti Perubatan UKM bekerjasama dengan Prof Dr Siti Zamratol Mai-Sarah Mukari dan Prof Dr Kartini Ahmad dari Fakulti Sains Kesihatan membentuk Pasukan Implan Koklear UKM pada 1994.

47 kematian berkaitan denggi direkod sejak awal tahun

Putrajaya: Kes demam denggi kian membimbangkan apabila 47 kes kematian direkodkan sejak awal tahun ini berbanding 19 kes dalam tempoh sama.

Terbaru sebanyak 2,258 kes demam denggi dengan dua kematian dicatatkan bagi Minggu Epidemiologi (ME) 29 iaitu bermula 16 Julai hingga 22 Julai lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata,

jumlah itu adalah penurunan 6.7 peratus berbanding 2,421 kes pada minggu sebelumnya.

Katanya, 66,224 kes dicatatkan bagi tahun ini, berbanding 29,603 kes bagi tempoh sama tahun lalu iaitu peningkatan 123.7 peratus.

"Sejumlah 47 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan sehingga kini berbanding 19 kematian bagi tempoh yang sa-

ma tahun lepas," katanya semalam.

Beliau berkata lokaliti hotspot pada minggu ini meningkat kepada 104 lokaliti berbanding 100 lokaliti pada minggu sebelumnya iaitu 70 di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (16), Kedah (lima), masing-masing tiga di Pulau Pinang, Perlis dan Sabah, dan masing-masing satu di Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Tidak boleh suntik payudara, boleh tingkat risiko kanser

Oleh NUR FATIN ZAHRA

PETALING JAYA – Prosedur suntikan 'filler' untuk membesarkan payudara tidak pernah diluluskan oleh Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) serta Kementerian Kesihatan (KKM).

Pakar perubatan estetik, Dr. Nazelia Thibroni berkata, prosedur suntikan untuk membesarkan payudara akan lebih membawa kemudaratan jika dilakukan oleh pakar-pakar kecantikan yang tidak bertauliah.

Menurutnya, prosedur tersebut tidak boleh dilakukan oleh mana-mana doktor perubatan, apatah lagi mereka yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

"FDA tidak pernah meluluskan sebarang bentuk suntikan

silikon untuk membesarkan payudara atau punggung.

"Suntikan sebegini bukan sahaja boleh memudaratkan kesihatan, malah ia juga boleh meningkatkan risiko kanser payudara," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dr. Nazelia menasihatkan agar orang ramai tidak mudah terpedaya dengan servis pakar kecantikan yang membuat pembedahan atau rawatan dari rumah ke rumah.

"Ada banyak lagi contoh perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh pakar kecantikan sebegini, antaranya ialah suntikan 'filler' pada hidung, rawatan tanam benang dan sebagainya.

"Ramai juga yang mengalami komplikasi seperti jangkitan kuman atau granuloma, satu kondisi

yang menyebabkan terdapat tisu keras yang terhasil disebabkan oleh reaksi badan terhadap bahan asing di bawah kulit," ujarnya.

Sementara itu, doktor perubatan estetik, Dr. Lim Ing Kien pula berkata, pembedahan semumpama itu sememangnya berbahaya dan prosedur berkenaan tidak pernah mendapat kelulusan daripada FDA.

"Apa-apa suntikan dalam badan perlukan pengetahuan perubatan.

"Untuk kes wanita ini, rawatan dibuat di rumah dan bukan di klinik. Berhati-hati semasa mendapatkan rawatan, pastikan ia dibuat oleh doktor bertauliah, lakukan kajian sebelum membuat keputusan atau sebarang prosedur," ujarnya.



SEBARANG suntikan perlu dilakukan oleh doktor atau pakar yang bertauliah sahaja. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Covid-19: Tangguh kempen andai bergejala

PORT DICKSON - Calon dan jentera parti dinasihat menangguhkan seketika kempen bagi pilihan raya negeri (PRN) sekiranya dikesan mengalami gejala Covid-19 bagi mengekang penularan jangkitannya dalam komuniti.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, semua pihak terlibat pada pilihan raya kali ini perlu mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengelakkan jangkitan silang (*cross infections*) yang akan menyumbang kepada kenaikan kes Covid-19.

"Walaupun tiada SOP yang terperinci untuk penjagaan kes Covid-19 pada PRN ini kerana wabak berkenaan menunjukkan penurunan.

"Malah, ia bukan lagi kecemasan kesihatan global seperti yang diisytiharkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO), namun kes masih ada walaupun sangat rendah.

"Sehubungan itu orang ramai diminta berjaga-jaga sekiranya ada simptom, pakai pelitup muka dan menjaga kebersihan diri, itu prosedur yang amat digalakkan," katanya ketika ditemui semasa program Ziarah Kasih di sekitar Kampung Pachitan di sini pada Selasa.

Beliau memberitahu, Kementerian Kesihatan (KKM) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga akan mengumumkan SOP bagi pesakit Covid-19 untuk hari pengundian pada Sabtu ini.

Untuk rekod, SPR menetapkan PRN di Kedah, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang serta Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi Parlimen Kuala Terengganu dilaksanakan serentak dengan hari pengundian Sabtu ini. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

Skim Perubatan Madani diperluas ke 11 daerah lagi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperluaskan Skim Perubatan Madani ke 11 lagi daerah lain bagi membantu lebih ramai rakyat khususnya kumpulan B40 mendapatkan rawatan di klinik perubatan swasta umum (GP).

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pelaksanaan skim berkenaan dimulakan di 10 daerah sejak 15 Jun lalu sebagai salah satu inisiatif Bitara Madani bagi mengatasi isu kesesakan pesakit di fasiliti kesihatan kerajaan.

Menurut beliau, bagi 11 daerah terbaharu itu, empat daerah iaitu Kota Setar, Kuala Muda (Kedah), Kuala Terengganu dan Kuala Nerus (Terengganu) akan bermula pada minggu kedua bulan ini.

"Seterusnya, daerah-daerah lain seperti Kota Bharu, Pasir Mas (Kelantan), Kuantan (Pahang), Melaka Tengah (Melaka), Seberang Perai Tengah (Pulau Pinang) dan Perlis akan bermula

“Perkhidmatan percuma yang ditawarkan adalah seperti konsultasi, pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan di klinik perubatan swasta umum.”

pada minggu keempat bulan ini.

"Skim Perubatan Madani yang ditawarkan secara automatik kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah, dapat membantu meringankan beban kewangan rakyat dengan menampung kos rawatan kes-kes akut," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr. Zaliha berkata, perkhidmatan percuma yang ditawarkan adalah seperti konsultasi,



DR. ZALIHA MUSTAFA

pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan di klinik perubatan swasta umum.

Jelasnya, skim ini dijangka dapat memberi manfaat kepada 700,000 isi rumah, dengan peruntukan sebanyak RM100 juta dengan setiap isi rumah dipeperuntukkan untuk separuh tahun kedua 2023 adalah sehingga RM250 bagi setiap isi rumah berkeluarga.

"Manakala bagi warga emas

(tanpa pasangan) diberikan RM125 dan RM75 bagi kategori bujang," katanya.

Bagi memastikan akses yang mudah dan cepat, Dr. Zaliha berkata, mereka yang layak hanya perlu membawa MyKad ke klinik panel Skim Perubatan Madani untuk menerima rawatan akut percuma.

Sehingga kini, lebih dari 700 GP berdaftar sebagai klinik panel di bawah Skim Perubatan Madani.

KKM mengalu-alukan GP di daerah terlibat untuk mendaftar sebagai klinik panel Skim Perubatan Madani bermula hari ini dengan melayari laman sesawang ProtectHealth di www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani atau menghubungi talian 03-8687 2525.

"KKM akan terus komited dalam menyediakan dan menambahbaik penjagaan kesihatan berkualiti secara holistik dan mampan bagi meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LETTERS

INADEQUATE REGULATION

DYE ADDITIVES IN VAPE LIQUIDS **ALARMING**

ELECTRONIC cigarettes or vapes, including their liquids, are easily accessible in Malaysia due to inadequate regulation.

These products contain nicotine, colouring and flavouring. Many studies have confirmed that these substances are harmful not just to the lungs but other organs, too. There is robust evidence of the appeal of fruit or dessert-flavoured e-liquids, especially among young users.

A study by researchers from Sunway University's School of Medical and Life Sciences found that many vape liquids do not disclose their use of colouring agents.

The researchers selected 28 vaping liquids on the market, from various manufacturers, price ranges and flavours, to ensure a comprehensive representation.

Out of these 28 liquids, 18 were sourced from an online platform, while 10 were purchased from physical stores. All but one of the 28 products contained added colours but none of them disclosed this on

their labels.

Colours used included green, brown and yellow, corresponding with the intended flavour (e.g., red for strawberry, yellow for mango).

Eighty-six per cent of the products declared on their labels the use of flavouring agents. All samples, however, were found to contain flavouring agents. Our results mirror similar studies in the United States, where synthetic dye additives were found in e-cigarette liquids.

While these dyes are generally safe for ingestion, their safety upon inhalation has yet to be proven.

The levels of these colourants were as high as those in food items. Just imagine inhaling the same amount of colouring agent present in your regular red *strap bandung* drink or yellow corn ice cream. Despite these concerns, there is a lack of regulation in Malaysia concerning the use of dye additives in vape liquids.

This contrasts with regulations in the United Kingdom and European Union, where additives with colouring properties in vape liquids are

prohibited. Moreover, these colourants are not designed for heating and inhalation.

They could degrade into harmful substances or accumulate in the lungs in patterns doctors don't fully understand yet. Adding to the problem, previous research also showed that e-cigarettes flavoured like fruits or desserts are more appealing than flavourless ones.

Nicotine and flavourings interact in complex ways, and fruity flavours are used to mask nicotine's unpleasant throat irritation and bitter taste. The use of synthetic dyes and flavourings in vape liquids, combined with non-transparent labelling, could increase health risks.

Hopefully, policymakers will take swift and appropriate action to ensure public safety and health.

LOOK KEYUN; DR SER HOOI LENG; DR AMAR DAUD ISKANDAR ABDULLAH; PROF ELIL RENGANATHAN; and PROF LONG CHIAU MING

School of Medical and Life Sciences, Sunway University

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Rare 'stroke' disease risk to teens, adults

► Melas disorder has prevalence of one in 4,000 individuals worldwide, says Kuala Lumpur Hospital neurologist

KUALA LUMPUR: Alia, 15, (not her real name) was rushed to the Kuala Lumpur Hospital emergency unit after suffering stroke-like episodes with sudden muscle weakness on the right side of her body.

A computed tomography scan showed evidence of a stroke in her left brain. Subsequently, a special test confirmed that she had developed mitochondrial encephalomyopathy, lactic acidosis and stroke-like episodes (Melas).

Kuala Lumpur Hospital

neurologist Dr Ahmad Shahir Mawardi said Alia was then referred to a rehabilitation physician for additional treatment, including physiotherapy and physical therapy.

"Several months later, she showed positive development, regained muscle strength and could walk again."

Ahmad said Melas is a rare disease that affects the nervous system and muscles, adding that less than 20 cases were related to the genetic condition, Bernama reported.

He also said patients range from teenagers to adults in their early 40s and the disorder has an estimated prevalence of one in 4,000 individuals worldwide, with an equal probability of affecting males and females.

"A patient could develop it as early as 10 years old and the onset typically presents as recurrent attacks of epileptic seizures, stroke episodes or stroke involving sudden neurological symptoms."

"The episodes could weaken half of the body and affect their vision, intellectual function and ability to speak."

"Disturbance to mental health and cognitive functions could occur. Patients may also experience heart problems, diabetes and chronic fatigue."

Meanwhile, Malaysian Rare

Disorders Society president Nadiah Hanim Abdul Latif said user generated content and the internet have provided a venue for quick and broad dissemination of information, not all of which were accurate or reliable.

"Sensationalism is still prevalent in false and misleading content to gain public sympathy without providing real facts or being supported by strong evidence."

"We often hear of very costly rare disease treatments that could run up to thousands of ringgit. This negative perception must be corrected."

She said the majority of rare diseases do not require costly treatment as no 'orphan drugs' were available or approved to treat certain conditions.

An 'orphan drug' is classified as

a medication that is not developed or marketed because of its extremely limited use.

Nadiah Hanim expressed hope that the government would continue to support the rare disorder community, adding that public empathy could go a long way.

"This includes policy formulation, increasing annual aid for patients, law amendments to make the Persons with Disabilities Act 2008 more comprehensive, strengthening the empowerment network, providing equitable job opportunities and access to support, including for health and social care."

"We hope to (raise public awareness) that Melas is not a communicable disease. It would not have any effect on the physical health of others."

Influenza cases increase in Perak

IPOH: The outbreak of respiratory tract infections involving influenza-like illness has recorded an increase in Perak, with most cases concentrated in educational institutions.

State Human Resources, Health, Indian Community Affairs and National Integration Committee chairman A. Sivanesan said Larut, Matang and Selama were the first districts hit

with 10 cases, followed by Bagan Datuk with five cases.

"Thirty outbreaks in the state have been reported through cumulative monitoring as of July 29."

"In educational institutions, 73.3% of cases were detected, while 16.7% were in private homes and the remaining cases at other places," he said yesterday.

On another matter, Perak Occupational Safety and Health Department director Dr Rabaayah Daud said they received 511 reports of workplace accidents from January to July.

"There were 483 cases of non-permanent disability, 13 cases of permanent disability, eight cases of dangerous incidents and seven fatalities that were reported at workplaces." - Bernama

Covid precautions during campaigning

PORT DICKSON: Those involved in election machinery, including candidates, must halt campaigning if they exhibit Covid-19 symptoms, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She added that they need to practise standard operating procedures (SOP) to avoid cross infections, which could contribute to a rise in cases.

"There are currently no detailed Covid-19 SOP for the state polls, as the outbreak is receding and it is no longer a global health emergency. But there are still cases, although the (numbers) are very low."

"The public are urged to stay alert and if there are symptoms, wear a face mask and take healthcare measures," she said at the Ziarah Kasih event in Kampung Pachitan yesterday.

Zaliha also said her ministry and the Election Commission would soon announce the SOP for Covid-19 patients during polling day on Saturday. - Bernama